

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM613,159,431.87
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.24782

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	1.74%	2.95%	2.74%	2.00%	-2.00%	13.38%	124.78%
Benchmark / Penanda Aras	2.16%	3.38%	2.70%	2.09%	-8.50%	1.18%	59.70%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.42%	-0.43%	0.04%	-0.09%	6.50%	12.20%	65.08%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	78.71
2 Takafulink Dana Sukuk	21.29

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.05
2 IHH Healthcare Berhad	4.88
3 Telekom Malaysia Berhad	4.28
4 PETRONAS Gas Berhad	4.09
5 PETRONAS Chemicals Group Berhad	3.97
6 TIME dotCom Berhad	3.88
7 Press Metal Berhad	3.86
8 Sime Darby Plantation Berhad	3.83
9 Inari Amertron Berhad	3.20
10 PPB Group Berhad	2.92

### Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.41
2 DanaInfra Nasional Berhad	3.00
3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.74
4 YTL Power International Berhad	2.29
5 Danum Capital Berhad	2.21
6 AmIslamic Bank Berhad	2.18
7 Edra Energy Sdn Bhd	2.13
8 PONS B Capital Berhad	2.10
9 Pengurusan Air SPV Berhad	2.06
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	2.01

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equity

#### Market Review

December was a quiet month for Malaysian equities, with few events and announcements. During the Malaysian equities started 2024 well, outperforming regional markets as one of the best performing markets. During January, the Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) MoU was signed between Malaysia and Singapore. The agreement with details to develop the economic zone will be signed at the Malaysia-Singapore Leader's Retreat taking place end of 2024. The key initiatives mentioned as part of this SEZ include the formation of a one-stop business/investment services centre in Johor to facilitate the application process of various approvals and licenses necessary for Singapore businesses to set up in Johor; an adoption/ implementation of a passport-free QR code clearance system on both sides; adoption of digitized processed for cargo clearance at land checkpoints; and facilitate the cooperation for renewable energy. On the 31 January 2024, Malaysia saw the installation of a new King, the Sultan of Johor, Sultan Ibrahim, with Sultan Nazrin (the ruler of the state of Perak) was re-elected as deputy King. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 11,278.09, up 2.63% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 1.84% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

#### Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution on the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. The recent Palestine-Israel conflict has thrown uncertainty into the mix. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now given the continued resilience of the US economic data, and the persistent stickiness of inflation, investors are now expecting a soft landing in the US. The conflict in the Red Sea which is a major trade route for many European countries, could result in growing inflationary pressures as shipping delivery times get delayed. Note that 2024 will be a year of many elections taking place globally, hence something for investors to monitor, as the outcomes may change the current geopolitical situation. Domestically, equity markets have started the new year positively, with investor sentiment improving running on themes relating to Johor, and NETR. We are seeing more messaging from the government in regard to the petrol subsidy rationalization, and snippets of information on the energy exchange to be set up. However indicative time for the details of the petrol subsidy may only be released in 2H2024. Investors are getting impatient waiting for more details on the various policies announced. There is also downside risk from policy execution of the various new measures and policies as announced by the government. Persistent inflation will likely continue to be a bug-bear for the market especially in the 2H2024 when the targeted petrol subsidies are expected to rollout, and tighter household disposable incomes will continue to plague demand. The Palestine-Israel conflict has also resulted in boycotts of sales of those deemed to be supporting Israel, such as many fast food and coffee franchises. This may have an impact on employment and wages from these businesses if this boycott continues for long. Nevertheless, we remain cautiously optimistic, and any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

### Fixed Income

#### Market Review

In January, the Malaysian Government Securities ("MGS") benchmark yield curve moved mostly flat to lower during the month, except for the 10-year MGS which corrected its inverted position against the 7-year benchmark after rallying significantly during the past two months. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.45% (-8bps), 3.61% (-3bps), 3.73% (-1bps), 3.81% (+7bps), 3.98% (unch.), 4.08% (-4bps) and 4.22% (-4bps), respectively in January. Bank Negara Malaysia's ("BNM") Monetary Policy Committee ("MPC") maintained the Overnight Policy Rate ("OPR") at 3.00% at its first meeting of the year in January as widely expected. Overall, the monetary policy statement shows their stance remains neutral and guided by the assessment of policy reforms and demand conditions. The narrative of the statement did not change very much from November 2023, with BNM highlighting that the tightening cycle has peaked for most central banks, but the monetary policy stance will likely remain tight in the near term. Headline inflation in December printed 1.5% YoY (Nov'23: 1.5% YoY), which was in line with market consensus. The December 2023 consumer price index ("CPI") brought the annual headline inflation in 2023 to 2.5%, as compared to 3.3% in 2022. Contributing 29.5% to the total CPI, food inflation improved and decelerated further to 2.3% YoY in December from 2.6% in November, trending in line with the easing of global food prices. Core inflation increased at a slower rate of 1.9% in December 2023 as compared to 2% in November 2023 although this remained higher than the overall national inflation rate. As released by Department of Statistics ("DOSM"), advance estimates based on October to November data showed the Malaysian economy grew by 3.4% in Q42023 vs 3.3% in Q32023. This was below the consensus estimates for a 4.1% increase. Full year 2023 growth is estimated to have moderated to 3.8% YoY (2022: +8.7%) as the boost from Covid reopening faded. By sector, Agriculture and Mining & Quarrying growth improved to 1.2% (3Q23: 0.8%) and 3.7% (3Q23: -0.1%) respectively but was offset by sharp deceleration in construction to 2.5% (3Q23: 7.2%) and slower services growth at 4.7% (3Q23: 5%). Meanwhile, manufacturing was flattish at 0.1% (3Q23: -0.1%).

#### Market Outlook

Economists expect an uptick in inflation for January to February 2024 on the back of the rationalizing of electricity subsidies effective 1 January 2024 with targeted removal of a 2sen/kWh rebate for households with monthly electricity consumption of 600-1,500 kWh, as well as scheduled water tariff hikes by an average of 22 sen/m<sup>3</sup> effective 1 February 2024. It is expected that 87% of households will likely see water bills higher by 20% with lower income groups receiving rebates. Other subsidy and policy tax changes in the pipeline include a pilot project to test the MySubsidi Diesel system and the oil companies' fleet card system from 1 Feb 2024, with the wider implementation of the tiered pricing mechanism in 2Q24 as well as an increase in service tax from 6% to 8% in Mar 2024. There is also the introduction of a luxury goods tax of 5%-10% in May 2024, and a potential targeted subsidy for RON95 petrol in 2H24. The Ministry of Finance currently projects 4-5% for 2024 GDP growth while BNM will release its forecast in its 2023 Annual Report scheduled to be released by end of March 2024, while the market will also be eyeing close BNM's MPC next meeting (second for the year) on 6-7 March 2024. Other key data to be released in February include among others: December IPI (7 Feb), December Retail Sales (8 Feb), GDP final growth rate (16 Feb), January trade data (20 Feb), January CPI (23 Feb) and January PPI (27 Feb). Looking ahead, there will be three government bond auctions in February starting with the 7-year reopening of MGS 4/31 followed by the 20-year reopening of MGII 8/43 and the reopening of the 3-year MGS 5/27. Meanwhile, credit spreads are expected to remain compressed as OPR is expected to remain unchanged for most of 2024, which would limit movements in benchmark MGS. Corporate sukuk primary issuances will continue to focus on higher rated issuances, while lower rated sukuks with healthy credit fundamentals will be highly sought after which would suppress spreads further.

### Fund Review & Strategy

The Fund returned 1.74% for the month underperforming the benchmark return of 2.16% by 0.42%. Year-to-date, the fund returned 1.74% for the month underperforming the benchmark return of 2.16% by 0.42%. The underperformance in January was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-January 2024, the Fund has 78.71% exposure in equities and 21.29% in sukuk.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Disember merupakan bulan yang lengang buat Ekuiti Malaysia, dengan sedikit sahaja peristiwa dan pengumuman. Ekuiti Malaysia memulakan tahun 2024 dengan baik, mengatasi prestasi pasaran serantau lalu muncul sebagai salah satu pasaran berprestasi terbaik. Pada Januari, MoU Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura ("JS-SEZ") telah ditandatangani antara Malaysia dan Singapura. Perjanjian dengan butiran untuk membangunkan zon ekonomi tersebut

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

akan dimeterai pada Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura yang akan berlangsung pada penghujung 2024. Inisiatif utama yang dinyatakan termasuk pembentukan pusat perkhidmatan perniagaan/ pelaburan sehenti di Johor bagi memudahkan proses permohonan pelbagai kelulusan dan lesen yang diperlukan buat perniagaan Singapura yang ditubuhkan di Johor; penerimaan/ pelaksanaan sistem pelepasan kod QR tanpa pasport di kedua-dua belah pihak; penerimaan pakai proses digital bagi pelepasan kargo di pusat pemeriksaan darat; di samping memudahkan kerjasama tenaga boleh diperbaharui. Pada 31 Januari 2024, Malaysia merakmasyhurkan pertabalan Yang di-Pertuan Agong baharu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim, manakala Sultan Nazrin (pemerintah negeri Perak) dilantik semula sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 11,278.09, naik 2.63% MoM. Indeks FBM Small Cap Syariah memperoleh 1.84% pada bulan tersebut, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

## Gambaran Bulanan

Isu politik global terus menanah, konflik Rusia-Ukraine masih belum terungki, manakala hubungan US-China kekal tegang. Konflik Palestin-Israel baru-baru ini semakin mencambahkan ketakpastian. Masih terdapat beberapa pandangan yang berbeza tentang risiko kemelesetan, tetapi buat masa ini memandangkan kemampunan data ekonomi US berterusan, sementara tekanan inflasi masih melekit, maka pelabur kini menjangkakan pendaratan lembut di US. Konflik di Laut Merah yang merupakan laluan perdagangan utama bagi kebanyakan negara Eropah, boleh mengakibatkan tekanan inflasi yang semakin meningkat apabila masa penghantaran semakin bertangguh. Ambil perhatian bahawa 2024 akan menjadi tahun pilihan raya yang berlangsung di seluruh dunia, justeru ia sesuatu yang perlu dipantau oleh pelabur, kerana hasilnya mungkin mengubah keadaan geopolitik semasa. Di dalam negeri, pasaran ekuiti memulakan 2024 dengan positif, lantaran sentimen pelabur yang bertambah baik berikutan tema sehubungan Johor dan NETR. Kami dapati lebih banyak pesanan daripada kerajaan mengenai rasionalisasi subsidi petrol dan coretan maklumat mengenai suruhanjaya pertukaran tenaga yang akan ditubuhkan. Walau bagaimanapun, masa indikatif tentang butiran subsidi petrol hanya boleh dikeluarkan pada 2H2024. Pelabur semakin tidak sabar menunggu butiran lanjut mengenai pelbagai dasar yang sudah diumumkan. Terdapat juga risiko ke bawah susulan pelaksanaan dasar pelbagai langkah dan dasar baharu sebagaimana yang diumumkan oleh kerajaan. Inflasi yang berterusan berkemungkinan akan terus menjadi igauan pasaran terutamanya pada 2H2024 apabila subsidi petrol bersasar dijangka akan dilaksanakan, maka pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih kecil akan terus membelenggu permintaan. Konflik Palestin-Israel juga telah mengakibatkan boikot ke atas penjualan mereka yang dianggap menyokong Israel, seperti kebanyakan francais makanan segera dan kopi. Ia mungkin memberi kesan kepada pekerjaan dan gaji jika perniagaan berkaitan terus diboikot bagi masa yang lama. Namun begitu, kami kekal optimistik namun berhati-hati, dan sebarang pembedahan pasaran akan memberikan kami peluang untuk mengumpul saham yang pada asasnya kukuh.

## Pendapatan Tetap

### Tinjauan Bulanan

Pada Januari, keluk hasil penanda aras Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") kebanyakannya bergerak sama ada mendatar atau ke paras lebih rendah pada bulan ini, kecuali MGS 10 tahun yang membetulkan kedudukan songsangnya berbanding penanda aras 7 tahun, selepas meningkat dengan ketara dalam tempoh dua bulan yang lalu. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.45% (-8bps), 3.61% (-3bps), 3.73% (-1bps), 3.81% (+7bps), 3.98% (tidak berubah), 4.08% (-4bps) dan 4.22% (-4bps), pada Januari. Jawatankuasa Dasar Monetari ("MPC") Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") 3.00% pada mesyuarat pertama tahun itu di bulan Januari seperti yang dijangkakan secara meluas. Secara keseluruhannya, pernyataan dasar monetari menunjukkan pendirian yang kekal neutral dan berpandukan penilaian terhadap pembaharuan dasar dan syarat permintaan. Naratif kenyataan itu tidak banyak berubah sejak November 2023, dengan BNM menekankan bahawa kitaran pengetatan telah memuncak bagi kebanyakan bank pusat, tetapi pendirian dasar monetari berkemungkinan kekal ketat dalam tempoh terdekat. Inflasi utama pada Disember dicetak 1.5% YoY (Nov '23: 1.5% YoY), yang sejajar dengan konsensus pasaran. Indeks harga pengguna ("IHP") Disember 2023 menjadikan inflasi utama tahunan 2023 kepada 2.5%, berbanding 3.3% pada 2022. Menyumbang 29.5% kepada keseluruhan CPI, inflasi makanan bertambah baik dan terus turun kepada 2.3% YoY pada Disember daripada 2.6% pada November, sejajar dengan trend pelonggaran harga makanan global. Inflasi teras meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.9% pada Disember 2023 berbanding 2% pada November 2023 walaupun ianya kekal lebih tinggi daripada kadar inflasi keseluruhan negara. Seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan ("DOSM"), anggaran awal berdasarkan data Oktober hingga November menunjukkan ekonomi Malaysia mengembang sebanyak 3.4% pada Q42023 berbanding 3.3% pada Q32023. Ianya di bawah anggaran konsensus dengan peningkatan 4.1%. Pertumbuhan setahun penuh 2023 dianggarkan menyederhana kepada 3.8% YoY (2022: +8.7%) apabila rangsangan daripada pembukaan semula pasca Covid semakin pudar. Mengikuti sektor, pertumbuhan Pertanian dan Perlombongan & Kuari masing-masing meningkat kepada 1.2% (3Q23: 0.8%) dan 3.7% (3Q23: -0.1%) tetapi ditimbang oleh penurunan mendadak pembinaan kepada 2.5% (3Q23: 7.2%) dan pertumbuhan perkhidmatan yang lebih perlahan pada 4.7% (3S23: 5%). Sementara itu, pembuatan tidak berubah pada 0.1% (S323: -0.1%).

## Gambaran Bulanan

Pakar ekonomi menjangkakan inflasi Januari hingga Februari 2024 akan meningkat berikutan rasionalisasi subsidi elektrik berkuat kuasa 1 Januari 2024 dengan pemansuhan sasaran rebat 2 sen/kWj ke atas isi rumah dengan penggunaan elektrik bulanan 600-1,500 kWj, serta kenaikan tarif air dijadualkan naik secara purata 22 sen/m<sup>3</sup> berkuat kuasa 1 Februari 2024. Dijangkakan 87% isi rumah berkemungkinan akan menerima bil air 20% lebih tinggi manakala kumpulan berpendapatan rendah akan mendapat rebat. Perubahan subsidi dan cukai dasar lain dalam perancangan termasuk projek perintis untuk menguji sistem MySubsidi Diesel dan sistem fleet kad syarikat-syarikat minyak mulai 1 Feb 2024, dengan pelaksanaan mekanisme penetapan harga berperingkat secara lebih meluas pada 2Q24 serta peningkatan cukai perkhidmatan daripada 6% kepada 8% pada Mac 2024. Terdapat juga pengenalan cukai barangan mewah sebanyak 5%-10% pada Mei 2024, dan potensi subsidi besasar ke atas petrol RON95 pada 2H24. Kementerian Kewangan pada masa ini mengunjurkan 4-5% ke atas pertumbuhan KDNK 2024 manakala BNM akan mengumumkan unjurannya dalam Laporan Tahunan 2023 yang dijadual akan dikeluarkan pada akhir Mac 2024, manakala pasaran juga akan mengikut rapat MPC BNM yang akan datang (kedua bagi tahun ini) pada 6-7 Mac 2024. Data penting yang akan dikeluarkan pada Februari termasuk antara lain: IPI Disember (7 Feb), Jualan Runcit Disember (8 Feb), kadar pertumbuhan akhir KDNK (16 Feb), data perdagangan Januari (20 Feb), CPI Januari (23 Feb) dan PPI Januari (27 Feb). Memandang ke hadapan, terdapat tiga lelongan bon kerajaan pada Februari bermula dengan pembukaan semula MGS 4/31 7 tahun diikuti dengan pembukaan semula MGII 8/43 20 tahun dan pembukaan semula MGS 5/27 3 tahun. Sementara itu, spread kredit dijangka kekal mampat bilamana OPR dijangka kekal hampir sepanjang tahun 2024, lalu akan menghadkan pergerakan penanda aras MGS. Terbitan utama sukuk korporat akan terus bertumpu pada terbitan bertaraf lebih tinggi, manakala sukuk bertaraf rendah dengan asas kredit yang sihat akan menjadi buruan lalu akan semakin menghimpit spread.

## Tinjauan & Strategi Dana

Dana memberikan pulangan 1.74% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 2.16% dengan perbezaan 0.42%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memperoleh pulangan 1.74%, tidak mengatasi pulangan penanda aras 2.16% dengan perbezaan 0.42%. Prestasi rendah pada Januari disebabkan terutamanya oleh prestasi rendah bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga akhir Januari 2024, Dana mempunyai 78.71% pendedahan dalam ekuiti dan 21.29% dalam sukuk.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 January 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Januari 2024 melainkan jika dinyatakan

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL